

Laksana pembenihan awan

Operasi 10 hari tingkat 30 peratus tahap air di 14 empangan

■ NORSHIKIN MOHD SALLEH

JOHOR BAHRU – Operasi pembenihan awan mula dilakukan di negeri ini susulan keadaan paras air empangan utama direkodkan menurun kerana keadaan tiada hujan khususnya di kawasan tadahan.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri memaklumkan air di Empangan Sembrong, Empangan Lebam, Empangan Upper Layang, Empangan Lower Layang, Empangan Machap dan Empangan Linggiu dilaporkan dalam keadaan kritikal.

“Pembenihan awan ini menggunakan kaedah “hygroscopic flare” atau “dry seeding” dengan kadar kejayaan adalah tinggi iaitu kira-kira 80 peratus dan kebiasaannya akan hujan lebih kurang 15 hingga 20 minit setelah dilakukan pembenihan awan.

“Dijangkakan sekiranya kerja pembenihan ini tidak dilakukan berkemungkinan besar daerah Johor Bahru dan Pasir Gudang akan mengalami catuan air; dianggarkan melibatkan lebih 150,000 akaun pengguna,”



Operasi pembenihan awan menggunakan pesawat Cessna dilakukan selama 10 hari.

katanya.

Operasi tersebut melibatkan pelbagai agensi iaitu Badan Kawal Selia Air Johor (Bakaj) selaku peneraju, Meteorologi Malaysia, Setiausaha Kerajaan Johor, Suruhanjaya Air Johor dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

Kelmarin, merupakan hari pertama pembenihan awan yang meng-

gunakan pesawat Cessna bermula jam 1.30 petang hingga 4.00 petang merupakan dan dijadualkan akan dilakukan ‘cloud seeding’ ini selama 10 hari, berdasarkan keperluan dan nasihat dari pihak Jabatan Meteorologi Malaysia.

Sementara itu, Pengarah Bakaj, Rashid Abdul A Rahman berkata operasi selama 10 hari itu meliputi

daerah Muar, Batu Pahat, Kluang, Kota Tinggi, Kulaijaya dan Johor Bahru yang dijangka meningkatkan sekurang-kurangnya 30 peratus tahap air di kesemua 14 empangan di negeri ini.

Sebanyak RM300,000 daripada Tabung Bencana Negeri Johor digunakan bagi menjayakan operasi berkenaan.

Perisian dirampas

JOHOR BAHRU – Bahagian Penguatkuasaan Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) negeri merampas empat set komputer dan enam perisian komputer cetak rompak yang dianggarkan bernilai RM152,000 dalam dua serbuan pada 22 dan 23 April.

Pengarahnya, Nor Nekman Jaimon berkata, jumlah rampasan itu diperoleh melalui dua serbuan dilakukan di sebuah syarikat kejuruteraan di Taman Johor dan Taman Tampoi Utama selepas pihaknya terima aduan dari syarikat perisian di Kuala Lumpur.

“Hasil pemeriksaan ke atas kedua premis itu mendapati pemiliknya menggunakan perisian cetak rompak yang biasa digunakan untuk menghasilkan lukisan kejuruteraan.

“Kita rampas empat komputer dan enam perisian yang keseluruhan nilai rampasan RM152,000,” katanya.